

Headline	Rebut peluang timba ilmu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nur Izzati Mohamad	AdValue	RM 12,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,435



# Rebut peluang timba ilmu

→ Seminar  
Bimbangan  
Peperiksaan  
UPSR tajaan TH  
dapat sambutan

Oleh Nur Izzati Mohamad

upen@bh.com.my

■ Kepala Batas

**S**eminar Bimbangan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH di sini, berjaya mendapat sambutan luar biasa apabila dewan kuliah Kolej Matrikulasi Kepala Batas dipenuhi peserta.

Walaupun ada yang terpaksa duduk di lantai, perkara itu tidak menjadi halangan 435 murid dari 18 sekolah sekitar Parlimen Kepala Batas merebut peluang menimba ilmu dalam seminar sehari yang menyediakan tiga penceramah pakar.

Pengarah TH Pulau Pinang, Mohamad Abas, berkata pihaknya terkejut selepas dimaklumkan jumlah murid yang akan mengi-

kuti seminar berkenaan melonjak daripada sasaran mereka.

## Penceramah guru cemerlang

“Pada awalnya, kita mensarankan hanya 250 murid sahaja akan mengikuti seminar ini apabila mendapat kurang penyerataan, bagaimanapun jumlah itu meningkat di saat akhir sejurus mengetahui manfaat program berkenaan.

“Dalam seminar ini, murid yang hadir didedahkan dengan teknik menjawab soalan bagi subjek Bahasa Melayu, Sains dan Matematik,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian seminar berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Mohamad berkata, murid yang mengikuti seminar itu

juga bertuah apabila penceramah yang dijemput terdiri daripada guru cemerlang bagi subjek masing-masing.

“Ini menjadikan apa yang disampaikan lebih fokus dan memberikan tip berguna kepada murid untuk menjawab soalan dalam peperiksaan UPSR apatah lagi bagi soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT),” katanya.

Beliau berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TH yang bermula sejak 2008 itu turut menampakkan hasil positif setiap tahun dengan setiap murid cemerlang akan diraikan dalam Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa.

Headline	Rebut peluang timba ilmu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nur Izzati Mohamad	AdValue	RM 12,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,435

[ FOTO MIKAIL ONG/BH ]



Sebahagian daripada peserta yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR tajaan TH di Kepala Batas, baru-baru ini.

